

**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 14**  
**RUANGAN : NEGARA**



RANIA ZARA mengucapkan terima kasih atas pelantikannya sebagai ahli CCM Malaysia.

## KKM lantik ratu mak nyah jadi ahli CCM

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan (KKM) melantik Ratu Trans Women 2017, Rania Zara Medina bagi mewakili suara golongan mak nyah dalam Country Coordinating Mechanism (CCM) Malaysia.

Pelantikan itu bagaimanapun mencetuskan kontroversi dan mendapat kritikan netizen berikutnya disifatkan sebagai mengiktiraf golongan tersebut.

Berdasarkan surat rasmi yang ditandatangani Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye pada 25 Jun lalu, pelantikan Rania Zara, 26, bagi penggal 2019/2021 telah berkuat kuasa sejak 1 Julai lalu.

Mak nyah itu yang turut dirujuk sebagai ‘puan’ di dalam surat tersebut juga diharapkan dapat menjalankan tanggungjawab sebaiknya.

Menerusi pelantikan itu, Rania Zara dikatakan akan mewakili negara sebagai ahli CCM bagi mendapatkan dana daripada Globalfund yang merupakan sebuah badan kewangan antarabangsa yang komited dalam

melburkan dana untuk menghentikan epidemi HIV, AIDS, Tuberkulosis dan Malaria.

Boon Chye dalam kenyataannya berkata, pelantikan Rania Zara sebagai ahli CCM Malaysia adalah mengikut prosedur sedia ada.

“CCM Malaysia telah ditubuhkan atas keputusan Jemaah Menteri pada tahun 2009 untuk menangani penyakit HIV/AIDS,” katanya.

Sementara itu, Rania Zara melahirkan ucapan terima kasih kepada seluruh komuniti mak nyah berikutan menyokongnya sejak proses pencalonan sehingga pelantikan dibuat.

“Tampa kepercayaan anda pasti saya tidak dapat menggalas tanggungjawab ini,” katanya menerusi laman sosial Facebook (FB) miliknya kelmarin.

Menurut seorang pengguna laman sosial FB, Tengku Raizam, keputusan pelantikan itu dilihat sebagai satu bala kepada rakyat Malaysia.

 <b>PEJABAT Tadbiran Negeri</b> <b>Ministry of Health Malaysia</b> <b>Perlembagaan 1365 E.S.C. (Kesihatan)</b> <b>Perlembagaan Perintah Perintah Persekutuan</b> <b>KEBANGSAAN</b>	
<i>PL/Kej. KKM/BU/2019/3-A/2119</i> <i>Tarikh : 25 Julai 2019</i>	
Rania Zara Medina Justice for Sisters	
<i>(Signature)</i>	
<b>PLANTIKAN SEBAGAI AHLI COUNTRY COORDINATING MECHANISM (CCM) MALAYSIA PENGAGAL 2019/2021</b>	
Orang segera hormatinya percuti atau setah diijinkan:	
2. Balakas dimaklumkan Rani dilantik sebagai ahli CCM Malaysia bagi penggal 2019/2021 berkuat kuasa sejak 1 Julai 2019. Tugas dan peranan sebagai ahli CCM adalah seperti di dalam Anggaran	
3. Dengan pahitmen ini, diharapkan Rani dapat memberikan tumpuan kepada kerajaan dengan sebaiknya	
Dakian, terima kasih Saya yang menuliskan amanah, <i>(DR. LEE BOON CHYE)</i>	
<b>SURAT rasmi dikeluarkan Boon Chye bagi melantik Rania Zara sebagai ahli CCM Malaysia.</b>	

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NEGARA

# Satu lagi maut akibat demam campak

**KUALA LUMPUR** – Satu lagi kematian akibat wabak demam campak membabitkan wanita Orang Asli dilapor kelmarin di Terengganu, menjadikan jumlah keseluruhan mereka yang mati akibat wabak itu sebanyak empat setakat ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, wanita berusia 39 tahun itu yang disahkan dijangkiti wabak demam campak melalui ujian makmal.

Katanya, wanita itu meninggal dunia di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu setelah menerima rawatan sejak 29 Jun lalu di Wad Isolasi Hospital Hulu Terengganu.

“Pada 7 Julai, keadaan kesihatan wanita itu menjadi tidak stabil dan mengalami sesak nafas dan dirujuk ke Hospital Sultanah



DZULKEFLY

## Seorang lagi pesakit alami jangkitan saluran pernafasan

**KUALA TERENGGANU** – Seorang lagi pesakit Orang Asli yang berasal dari Kampung Sungai Berua di Hulu Terengganu dimasukkan ke Hospital Hulu Terengganu, Kuala Berang pada petang 2.57 pagi semalam kerana mengalami simptom jangkitan saluran pernafasan.

Pengarah Kesanahan Kesihatan Terengganu, Dr. Mohd. Ju...

jumlah keseluruhan pesakit Orang Asli yang menerima rawatan di hospital itu ketika ini seorang sahaja.

“Pesakit ketika yang berusia 29 tahun itu ditahan di wad ketika mendapatkan rawatan di hospital tersebut setelah mengalami demam dan batuk sejak tiga hari lalu.

“Berdasarkan siasatan, pesakit terhalang oleh...

Gua Musang baru-baru ini kerana mempunyai keluaraga di sana,” katanya kepada pemberita semalam.

Rabu lepas, seorang pesakit

Orang Asli dimasukkan ke Hospital Hulu Terengganu.

Tujuh daripadanya mengalami simptom jangkitan saluran pernafasan manakala seorang lagi cirit-birit, sakit perut dan...

lalu, seorang lagi pesakit dari kampung itu dimasukkan ke hospital sama.

Mohd. memberitahu, kesemua mereka yang dimasukkan ke hospital itu berumur antara 4 hingga 29 tahun terdiri daripada tujuh lelaki dan tiga perempuan.

“Mereka dilaporkan stabil, diberi antibiotik dan rawatan lanjut,” katanya. - Bernama

KERATAN Kosmo! 18 Jun 2019.

Nur Zahirah, Terengganu,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Latihan Simulasi dan Kemahiran Hospital Kuala Lumpur di sini semalam.

Bagaimanapun, Dzulkefly memberitahu, hasil analisa bedah siasat untuk mengesahkan sebab kematian masih belum diperoleh setakat ini.

Beliau berkata, sejak wabak itu dilaporkan pada 3 Jun lepas, sehingga semalam, kumulatif kes gejala yang dilaporkan adalah sebanyak 178 kes, iaitu di Kelantan

147 kes termasuk tiga kematian, Terengganu (23 kes dengan satu kematian) dan Pahang sebanyak lapan kes.

Daripada jumlah tersebut, 88 kes telah disahkan demam campak melalui ujian makmal, iaitu 67 kes di Kelantan, 17 kes di Terengganu dan empat kes di Pahang.

Tambah Dzulkefly, aktiviti imunisasi kepada komuniti di kawasan-kawasan yang terlibat dan lokaliti berhampiran diteruskan.

Disamping itu katanya, pendidikan kesihatan juga diteruskan bagi memastikan penduduk Orang Asli faham mengenai gejala jangkitan demam campak, etika batuk dan kepentingan mendapatkan rawatan awal. - Bernama

**AKHBAR : HARIAN METRO****MUKA SURAT : 12****RUANGAN : SETEMPAT**

DR Dzulkefly (dua dari kiri) melawat Pusat Latihan Simulasi Kemahiran di Hospital Kuala Lumpur.

## KKM sahkan satu lagi kematian akibat measles

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan mengesahkan satu lagi kematian membabitkan seorang wanita Orang Asli yang dijangkiti wabak measles atau demam campak di Hulu Terengganu, kelmarin, menjadikan jumlah keseluruhan mereka yang mati akibat wabak itu adalah empat setakat ini.

Menyerahnya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, wanita berusia 39 tahun itu mulanya dirawat di Wad Isolasi Hospital Hulu Terengganu sejak 29 Jun lalu disahkan dijangkiti measles melalui ujian makmal.

"Malangnya pada 7 Julai lalu keadaan kesihatan beliau tidak stabil dan sesak nafas.

"Dia seterusnya dirujuk ke Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu untuk rawatan lanjut namun meninggal dunia," katanya selepas merasmikan Pusat Latihan Simulasi dan Kemahiran Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ke-

tua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Datuk Mohd Syafiq Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Perubatan, Datuk Dr Rohaizat Yon dan Pengarah HKL, Dr Heric Coray.

Pusat latihan bernilai RM25.6 juta itu adalah yang terbesar di Malaysia dan salah satu yang paling lengkap di rantau Asia.

Ia dapat membantu meningkatkan kecekapan pengamal perubatan dan keselamatan pesakit, membolehkan pelatih menjalani latihan dan mengurangkan kos penjagaan kesihatan.

Sementara itu, mengulas kejadian pelajar sesak nafas di Pasir Gudang, Johor, Dr Dzulkefly berkata, hingga jam 8 pagi ini, kumulatif kes berkenaan ialah 1,138 orang.

"Satu kes baru dilaporkan dan diberi rawatan sebagai pesakit luar di Klinik Kesihatan Masai, Johor Bahru. Namun tiada lagi kes yang berada di dalam wad," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Pencemaran: Saringan kesihatan mental mangsa

**PUTRAJAYA 9 Julai -** Pasukan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial Kementerian Kesihatan telah menjalankan saringan kesihatan mental terhadap mangsa-mangsa kejadian sesak nafas di Pasir Gudang, Johor sejak 20 Jun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, secara kumulatif sejumlah 751 orang awam termasuk kanak-kanak telah menerima khidmat bantuan awal psikososial manakala 520 orang lagi menerima intervensi psikologi dengan 27 kes dirujuk untuk penilaian lanjut.

"Semua kes kanak-kanak dengan gejala keresan dirujuk kepada klinik pakar psikiatri kanak-kanak," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pada masa sama, Dzulkefly memaklumkan, kumulatif kes kejadian sesak nafas di Pasir Gudang adalah sebanyak 1,138 kes iaitu 1,094 orang menerima rawatan sebagai pesakit luar dan 44 lagi dimasukkan ke dalam wad.



DZULKEFLY AHMAD

Katanya, bagi kesemua kes yang dimasukkan ke dalam wad, tiada pesakit menerima rawatan di unit rawatan rapi dan tiada kematian dilaporkan.

"Sehingga pukul 8 pagi ini, terdapat satu kes baharu dilaporkan dan mangsa diberi rawatan sebagai pesakit luar di Klinik Kesihatan Masai, Johor Bahru. Walau bagaimanapun, tiada lagi kes yang dimasukkan ke dalam wad," ujar beliau.

Dzulkefly menambah, Jabatan Kesihatan Negeri Johor masih meneruskan pemantauan di lapangan dan orang ramai adalah dinasihatkan agar mendapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan terdekat sekiranya mengalami gejala kesesakan nafas, loya, muntah, pening, sakit kepala, kekejangan otot dan lemah badan.

"Kementerian sentiasa bekerjasama dengan semua pihak dalam menguruskan kejadian ini. Sebarang perkembangan akan dimaklumkan dari masa ke semasa," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Pelantikan Rania ikut prosedur – Boon Chye

**KUALA LUMPUR 9 Julai** – Pelantikan seorang transgender, Rania Zara Medina sebagai ahli Country Coordinating Mechanism (CCM) Malaysia bagi penggal 2019 hingga 2021 adalah mengikut prosedur se-dia ada.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye menegaskan, anggota CCM terdiri daripada 25 ahli yang mewakili pemegang taruh seperti agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik dan wakil komuniti daripada populasi sasar.

Jelas beliau, populasi sasar itu termasuk golongan transgender, lelaki-seks-dengan-lelaki (MSM), pekerja seks wanita, golongan menggunakan dadah dan mereka yang menghidap HIV/AIDS.

“Wakil komuniti populasi sasar dipilih daripada kalan-jan populasi berkenaan dan disahkan melalui surat lantikan oleh Pengurus CCM iaitu saya sebagai Timbalan Menteri Kesihatan.

“Fungsi CCM untuk menanggulangi HIV/AIDS adalah sejajar dengan Pelan Strategik Nasional untuk menangani wabak berkenaan di negara ini,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kementerian Kesihatan dilaporan telah melantik Rania sebagai ahli CCM melalui surat pelantikan rasmi bertarikh 25 Jun lalu.

Surat pelantikan yang ditandatangani Boon Chye itu telah dikongsikan Rania dalam laman Facebook miliknya semalam sehingga mendapat perhatian warga maya.

Rania yang merupakan pemenang ikon Transwomen Malaysia 2017/2018 akan mewakili Malaysia sebagai ahli CCM untuk mendapatkan dana daripada Global Fund iaitu sebuah badan kewangan antarabangsa yang komited melaburkan dana untuk menghentikan epidemik HIV/AIDS, tuberkulosis dan malaria.



RANIA ZARA MEDINA

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NATION

# Another death recorded

## Ministry: Fourth Orang Asli, age 39, dies from measles

LOH FOON FONG  
lohfong@thestar.com.my

JALA LUMPUR: Another death due to the measles outbreak among the Orang Asli has been reported, making it the fourth death confirmed by the Health Ministry. The deceased, a 39-year-old woman, had been treated in the isolation ward of Hospital Hulu Terengganu since June 29. She was confirmed to be infected with measles following a laboratory test, said Health Minister Datuk Seri Dzulkefly Ahmad.

On July 7, her health became stable and she had breathing difficulties.

"She was diagnosed with septic shock secondary to right lobar pneumonia and measles with metabolic acidosis," Dzulkefly said in a press conference after launching the KL Simulation and Skills Training Centre yesterday.

The woman was then referred to Hospital Sultanah Nur Zahirah in Jala Terengganu for further treatment but died at 7.40pm the same day. A post-mortem has been carried out and the ministry is still waiting for the results.

The measles outbreak is reported to have occurred in Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan, Kampung Berdeng in Hulu Terengganu, Terengganu and Kampung Ulu Sat, Ranut, Pahang.

Asked if the government would carry out further checks after some private doctors found that the manganese in the water sources in Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan was very high, Dzulkefly said that while the four deaths were related to measles, it was difficult to determine the cause of death of the other 12 as



**Hands-on minister:** Dzulkefly trying out a simulator at HKL Simulation and Skills Training Centre. — Bernama

there were bones left with hardly any flesh for the forensic team to analyse.

On Federation of Private Medical Practitioners' Associations Malaysia (FPPMPAM) president Dr Steven Chow saying that manganese poisoning should not be excluded as a possible cause of the deaths of Bateq people in Kuala Koh, Dzulkefly said that the four deaths were from complications from measles, confirmed by the chief pathologist.

He said that while he does not rule out that water samplings show manganese and arsenic pollution, the ministry's serology and PCR tests from samplings showed that they died from pneumonia as a result of measles complications.

"It is wrong for him to link it as a cause of death."

"While the river may be polluted but the cause of death, there is no causal relationship. Manganese tox-

icity does not present itself that way."

"This has been presented by the chief pathologist and we stand by it," he said, adding that the ministry was still waiting for the toxicology, heavy metals and entomology results.

On Friday, Dr Chow said that samples from water supply area in the forest, piped water from the village's source in Sungai Pertak as well as water collected from the river showed high traces of manganese.

Dr Chow said he and other private doctors doing outreach work at the village had collected the samples of water on June 12.

FPPMPAM tests found the level of manganese to be 2.53mg/L, which is 2,500% above the normal level of 1mg/L, he said.

Since the outbreak on June 3 until July 9 at 9am, 178 cases with symptoms including four deaths had been reported; 147 in Kelantan including

three deaths, 23 in Terengganu including one death, and eight in Pahang with no deaths.

Out of the number, 88 cases were confirmed measles; 67 in Kelantan, 17 in Terengganu and four in Pahang.

As of July 9 at 9am, 25 cases in Kelantan were still being treated with 24 in an isolation ward and another in intensive care unit and 7 cases with mild symptoms placed in special lodging.

In Terengganu, five patients were still being treated in an isolation ward.

On the breathing difficulties of students in Pasir Gudang, Johor, Dzulkefly said that as of July 9 at 9am, one new case was reported and the patient was treated as an outpatient.

As of July 9 at 9am, there were a total of 1,138 cases with breathing difficulties; 1094 received outpatient treatment while 44 were warded.